



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**HUBUNGAN PERSONALITI WARNA DENGAN
MINAT KERJAYA DI KALANGAN PELAJAR
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

AHMAD JAZIMIN BIN JUSOH

FPP 2000 7

**HUBUNGAN PERSONALITI WARNA DENGAN
MINAT KERJAYA DI KALANGAN PELAJAR
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Oleh :

AHMAD JAZIMIN BIN JUSOH

**MASTER SAINS
(BIMBINGAN & KAUNSELING)
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
Selangor Selangor D.E.**

2000



**Hubungan Personaliti Warna Dengan
Minat Kerjaya Di Kalangan Pelajar
Universiti Putra Malaysia**

Oleh :

Ahmad Jazimin bin Jusoh

**Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada
syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains
(Bimbingan & Kaunseling)
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia.**

OKTOBER 2000



Istimewa untuk.....

Mak dan abah,

Doa dan restumu adalah nikmat yang terbesar bagi diriku

Adik - adikku,

Walau di mana abang berada kita bersatu di bawah payung mak & abah

Isteriku Effa Rina Mohd. Matore,

Terima kasih segalanya atas segala sokongan dan dokonganmu

Ahmad Qayyum,

Ku menanti kehadiranmu dengan penuh debaran

Mak, bapa mertua dan adik iparku,

Doakan agar kami bahagia di dunia dan akhirat

Guru-guru di SDAR,

Langkah ini akan ku teruskan

Pelajar-pelajar SDAR,

Perjuanganku adalah menunaikan falsafah ilmu.


Rakanku kaunselor-kaunselor,

Penulisan ini adalah sebahagian daripada sumbanganku.



PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa karya ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

A handwritten signature in black ink, reading "Ahmad Jazimin", is written over a horizontal dashed line. The signature is cursive and includes a period at the end.

(Ahmad Jazimin b. Jusoh)

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Terlebih dahulu, saya amat bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana limpah dan keizinanNya maka telah diberi kekuatan kepada saya untuk menyiapkan kertas tesis master ini.

Setinggi - tinggi penghargaan saya ucapkan kepada penyelia saya, Dr. Sidek Mohd Noah di atas segala dorongan, teguran dan cadangan sepanjang penulisan kertas projek ini.

Buat Prof. Madya Dr. Azimi Hamzah, Timbalan Dekan (pengajian & Siswazah), Sharolnizam Shahrom (Pelajar Kejuruteraan Mekanikal), Dekan Fakulti Alam Sekitar, Ketua Jabatan Muzik, Pn. Jamiat (Pelajar Bimbingan & Kaunseling), Penarah Fakulti Ekonomi dan Dekan Fakulti Sains Komputer, terima kasih banyak-banyak kerana telah memberikan kerjasama.

Akhir sekali, penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu saya secara langsung mahupun yang tidak langsung dalam menjayakan projek saya ini.

Sekian. Terima kasih.

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains.

**HUBUNGAN PERSONALITI WARNA DENGAN MINAT KERJAYA PELAJAR
DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Oleh

AHMAD JAZIMIN BIN JUSOH

OKTOBER 2000

Penyelia : Sidek bin Mohd. Noah, Ph.D

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian *ex-post facto* jenis korelasi ini dijalankan bertujuan untuk menentukan hubungan antara personaliti warna (Emas, Hijau, Biru dan Jingga) dan minat kerjaya pelajar UPM berdasarkan kepada teori Pemilihan Kerjaya Holland. Ia juga bertujuan untuk melihat kesahan gagasan Inventori Personaliti Warna. Subjek kajian terdiri daripada 417 orang pelajar UPM yang dipilih secara rawak berlapis daripada populasi seramai 530 orang pelajar daripada program Bacelor Kejuruteraan Mekanikal, Bacelor Sains (Alam Sekitar), Bacelor Muzik, Bacelor Pendidikan (Bimbingan & Kaunseling), Bacelor Pentadbiran Pemiagaan dan Bacelor Sains Komputer. Alat ukur yang digunakan dalam kajian ini ialah Inventori Personaliti Warna dan *Self-Directed Search*. Data yang didapati kemudiannya dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu frekuensi dan peratusan, dan statistik inferensi iaitu Korelasi Pearson pada aras signifikan .05. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara

personaliti Jingga dan minat kerjaya dalam bidang Realistik; personaliti Hijau, Jingga, Emas dan Biru dan minat Investigatif; personaliti Jingga, Emas, Hijau dan Biru dan minat kerjaya Artistik; personaliti Emas dan Biru dan minat kerjaya Sosial; personaliti Jingga, Emas, Hijau dan Biru dan minat kerjaya *Enterprising*; dan personaliti Biru, Jingga, Emas dan Biru dan minat kerjaya *Conventional*. Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa alat ukuran IPW yang telah dibentuk oleh Sidek Mohd Noah *et al.* (1997) mempunyai kesahan gagasan yang tinggi berbanding dengan alat ukuran SDS yang dibentuk oleh John L. Holland. Sehubungan dengan keputusan kajian yang diperolehi, beberapa implikasi dan cadangan telah dikemukakan.

Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies, University Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the Degree of Master of Science.

**RELATIONSHIP BETWEEN COLOUR PERSONALITY AND VOCATIONAL
INTEREST AMONGST PRINCE UNIVERSITY OF MALAYSIA.**

By

AHMAD JAZIMIN BIN JUSOH

OCTOBER 2000

Supervisor : Sidek bin Mohd. Noah, Ph.D

Faculty : Educational Studies

This correlational ex-post facto study was conducted to determine the relationships between colours personality (Gold, Green, Blue and Orange) and vocational interest amongst UPM students based on Holland's theory of Vocational Choices. This also attempted to find out the construct validity of the *Inventori Personaliti Warna*. The subjects of this study were 417 UPM's students who were selected using the stratified random sampling from a total of 530 students from several courses such as Bachelor of Mechanical Engineering, Bachelor of Science (Environment), Bachelor of Music, Bachelor of Education (Guidance & Counselling), Bachelor of Bussiness Administration and Bachelor of Computer Science. The instruments used in this study was the *Inventori Personaliti Warna* and the Self-Directed Search. The data obtained were then analysed using the descriptive statistic such as frequency and percentage, and

the inferential statistic such as Pearson Correlation at the .05 level of significant. The findings showed that there was a significant relationship between Orange personality and vocational interest in Realistic; Green, Orange, Gold and Blue personality and vocational interest in Investigative; Orange, Gold, Green and Blue personality with vocational interest in Artistic; Blue and Gold personality and vocational interest in Sosial; Orange, Gold, Green and Blue personality and vocational interest in Enterprising and Orange, Blue, Gold and Green personality and vocational interest in Conventional. The result also revealed the the IPW developed by Sidek Mohd Noah *et al.* (1997) had shown a very high construct validity compare with the SDS developed by John L. Holland. In view of the findings, several implications and recommendations were put forward.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN.....	ii
PENGHARGAAN.....	iii
ABSTRAK.....	iv
ABSTRACT.....	vi
KANDUNGAN.....	viii
SENARAI SINGKATAN.....	xii
SENARAI JADUAL.....	xiii
SENARAI RAJAH.....	xiv
 BAB	
I PENGENALAN KAJIAN	
Pengenalan.....	1
Latar Belakang Kajian	1
Pendekatan Teori.....	5
Teori Personaliti Warna.....	5
Teori Minat Kerjaya Holland.....	10
Pernyataan Masalah.....	20
Tujuan Kajian.....	23
Tujuan umum.....	23
Tujuan khusus.....	23
Hipotesis Kajian.....	24

	Hipotesis umum.....	24
	Hipotesis khusus.....	25
	Definisi Pembolehkan Kajian.....	28
	Personaliti.....	28
	Minat kerjaya.....	29
	Pelajar.....	29
	Kepentingan Kajian.....	30
	Ringkasan.....	33
II	KAJIAN - KAJIAN LEPAS	
	Pengenalan.....	34
	Personaliti.....	34
	Kajian Luar Negara.....	34
	Kajian Dalam Negara.....	36
	Minat Kerjaya.....	39
	Kajian Luar Negara.....	39
	Kajian Dalam Negara.....	41
	Hubungan Personaliti dengan Minat Kerjaya.....	44
	Kajian Luar Negara.....	44
	Kajian Dalam Negara.....	48
	Ringkasan	64
III	METOD KAJIAN	
	Pengenalan.....	65
	Rekabentuk Kajian.....	65

Alat Kajian.....	66
Bahagian A : Biodata Responden.....	67
Bahagian B : Inventori Personaliti Warna.....	67
Bahagian C : Inventori <i>Self-Directed Search</i> ...	68
Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian.....	68
Inventori Personaliti Warna.....	69
Inventori <i>Self-Directed Search</i>	69
Tempat Kajian.....	70
Subjek Kajian.....	70
Populasi Kajian.....	70
Sampel kajian.....	72
Prosedur Kajian.....	73
Penganalisan Data Statistik.....	75
Kaedah Pemarkatan.....	75
Pengujian hipotesis.....	78
Ringkasan.....	81
IV KEPUTUSAN KAJIAN	
Pengenalan.....	82
Keputusan Kajian.....	82
Biodata deskriptif responden.....	82
Pengujian hipotesis kajian.....	84
Rumusan.....	91
Ringkasan.....	94

V	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
	Pengenalan.....	95
	Perbincangan.....	95
	Hubungan personaliti warna dengan minat kerjaya Realistik	96
	Hubungan personaliti warna dengan minat kerjaya Investigatif	100
	Hubungan personaliti warna dengan minat kerjaya Artistik.....	102
	Hubungan personaliti warna dengan minat kerjaya Sosial.....	104
	Hubungan personaliti warna dengan minat kerjaya <i>Enterprising</i>	106
	Hubungan personaliti warna dengan minat kerjaya <i>Conventional</i>	108
	Kesahan Gagasan IPW.....	109
	Implikasi kajian.....	110
	Cadangan-cadangan.....	117
	Rumusan & Penutup.....	123
	Bibliografi.....	125
	LAMPIRAN	
	A Penerangan Soal Selidik.....	134
	B Biodata Responden.....	135
	C Inventori Personaliti Warna.....	136
	D Inventori Minat Kerjaya SDS.....	141
	E Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan..	149
	F Jadual Menentukan Saiz Sampel..... (Krejcie & Morgan 1970)	158

SENARAI SINGKATAN

UPM	Universiti Putra Malaysia
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
H1	Hipotesis 1
H2	Hipotesis 2
H3	Hipotesis 3
H4	Hipotesis 4
H5	Hipotesis 5
H6	Hipotesis 6
Y	Ya
T	Tidak
R	Realistik
I	Investigatif
A	Artistik
S	Sosial
E	<i>Enterprising</i>
C	<i>Conventional</i>
SDS	<i>Self-Directed Search</i>
IPW	Inventori Personaliti Warna
BKM	Bachelor Kejuruteraan Mekanikal
BSAS	Bachelor Sains Alam Sekitar
BM	Bachelor Muzik
BP (B&K)	Bachelor Pendidikan (Bimbingan & Kaunseling)
BPP	Bachelor Pentadbiran Pemiagaan
BSK	Bachelor Sains Komputer
IK	Indeks Keselarasan
SD	<i>Standard Deviation</i>
SPSS	<i>Statistical Packages for the Sosial Science</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TESL	<i>Teaching English as a Second Language</i>
n	Bilangan sampel
dk	Darjah kebebasan
<	Kurang daripada
>	Lebih daripada
ρ	Aras signifikan
sp	Sisihan piawai
t	perbezaan dua sampel tidak bersandar
r	pekali korelasi
r^2	pekali penentuan

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Menunjukkan sembilan personaliti yang dinamakan <i>enneagram</i>	2
2 Menunjukkan tahap ketekalan dan pola personaliti	18
3 Kod tiga mata Holland untuk program yang dikaji	71
4 Bilangan populasi dan sampel enam bidang pengajian	73
5 Jenis personaliti warna dan item yang berkaitan	75
6 Jenis personaliti Holland dan item yang berkaitan	76
7 Pemilihan statistik berasaskan skala pengukuran mengikut Tuckman	78
8 Taburan responden mengikut program	83
9 Taburan responden mengikut jantina	83
10 Taburan responden mengikut bangsa	84
11 Hubungan antara personaliti warna dan minat kerjaya dalam bidang Realistik	85
12 Hubungan antara personaliti warna dan minat kerjaya dalam bidang Investigatif	86
13 Hubungan antara personaliti warna dan minat kerjaya dalam bidang Artistik	87
14 Hubungan antara personaliti warna dan minat kerjaya dalam bidang Sosial	88
15 Hubungan antara personaliti warna dan minat kerjaya dalam bidang <i>Enterprising</i>	89
16 Hubungan antara personaliti warna dan minat kerjaya dalam bidang <i>Conventional</i>	90
17 Hubungan personaliti warna dengan minat kerjaya	109

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Model Heksagon Holland: Konsep Keselarasan Personaliti-Persekitaran	16

BAB SATU

PENGENALAN KAJIAN

PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan mengenai latar belakang kajian, pendekatan teori, pernyataan masalah, tujuan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi dan hipotesis-hipotesis kajian yang berkaitan hubungan antara personaliti dan minat kerjaya.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Setiap individu yang wujud di muka bumi ini mempunyai sifat, sikap, gaya dan personaliti tersendiri. Personaliti melambangkan ciri-ciri keperibadian seseorang individu itu yang berbeza daripada seorang manusia dengan manusia yang lain. Mengikut Abdul Majid Mohd. Isa dan Rahil Mahyuddin (1997), personaliti berasal daripada perkataan Latin, *persona* iaitu topeng yang dipakai oleh pelakon pentas. Mereka menjelaskan bahawa personaliti ialah perkaitan antara pemikiran, emosi dan perasaan dengan perlakuan manusia. Bagaimana manusia menggambarkan pemikiran, emosi dan perasaan mereka adalah perkara yang menjadi kajian ahli psikologi personaliti.

Jadual 1 Menunjukkan sembilan personaliti yang dinamakan *enneagram*.

Jenis Personaliti	Sifat-sifat
1. Perubah (<i>reformer</i>)	Jujur, baik, toleransi, realistik, adil dalam membuat penghakiman, rasional, beretika, kemuliaan, dan mempunyai struktur yang tinggi.
2. Penolong (<i>helper</i>)	Penyayang, pemurah, tidak pentingkan diri, altruistik, sabar mengambil berat dan manipulatif.
3. Pencari status (<i>status seeker</i>)	Mengarah, autentik, yakin diri, senang beradaptasi, menarik daripada segi fizikal dan bermotivasi.
4. Artistik (<i>artistic</i>)	Kreatif, bersemangat, tekun, serius, kelakar, sensitif, dan mempunyai emosi yang kuat.
5. Investigatif (<i>investigative</i>)	Mempunyai misi, tahu tentang dunia, suka pembaharuan, suka memerhati, berpengetahuan, inovatif, dan mempunyai idea yang asli.
6. Orang jujur (<i>loyalist</i>)	Bertanggungjawab, mempunyai pertimbangan, yakin diri, berdikari, komited, dan jujur.
7. Penyeluruh (<i>generalist</i>)	Menghayati, bersyukur, gembira, estetika, sangat bertanggungjawab, <i>performer</i> semulajadi, produktif, dan membuat sesuatu yang berbeza.
8. Ketua (<i>leader</i>)	Berani, asertif, yakin diri, autoritatif, mengarah, mengetuai orang, pelindung, bertindak pada minat sendiri dan dihormati.
9. Pengaman (<i>peacemaker</i>)	Mementingkan perpaduan, mengelakkan konflik, emosi yang stabil, optimistik, pendorong, sabar, dan individu yang tulen.

Mengikut Havighurst (1981 dalam Ahmad Jazimin 1998), personaliti adalah tingkah laku yang dipelajari dan ianya berkembang melalui kematangan dan pembelajaran. Mengikut Havighurst, personaliti terbentuk hasil daripada pembelajaran melalui interaksi dengan persekitaran, terutama sekali interaksi dengan orang yang signifikan dengan diri individu tersebut.

Don Richard Riso (1987), telah memperkenalkan *enneagram* untuk melihat trait-trait personaliti manusia. Secara umumnya kesemua sembilan personaliti boleh diwakilkan kepada *enneagram* seperti Jadual 1.

Logvinenko (1999), di dalam *Colour in Visual Science, Art and Personality Assessment* telah menghuraikan maksud tertentu dalam personaliti yang berkaitan dengan warna. Menurut beliau personaliti Hijau adalah dikatakan seorang yang tegas dan susah untuk menerima perubahan. Di samping itu, mereka juga dianggap sebagai seorang yang *persistant*, posesif dan mementingkan diri sendiri. Personaliti warna ini juga menunjukkan seseorang itu mempunyai citarasa yang tinggi, bersifat kebendaan, mahu diiktiraf, dikenali dan perlu untuk diberi perhatian tetapi bimbang tentang kegagalan yang akan dihadapi. Mereka adalah seorang yang kritikal terhadap sesuatu, suka menggunakan kata-kata yang menyakitkan hati dan keras kepala.

Personaliti Biru pula mewakili ketenangan dan keikhlasan, sensitif dan mudah tersinggung. Personaliti ini tidak panik, boleh mengawal diri dan mempunyai rasa bimbang terhadap kehidupan yang bebas, dan bersedia untuk

berkorban dalam beberapa matlamat dalam usaha untuk mencapai cita-citanya itu. Mereka memerlukan suatu perhubungan yang bebas dan stabil daripada konflik. Dalam keadaan tertentu personaliti Biru ini tidak dapat mengembangkan perhatian keluarga dan kerjaya, kesannya individu yang terlibat akan menderita tanpa disedari oleh orang lain.

Super (1975 dalam Zaidi 1992) menyatakan bahawa manusia adalah berbeza daripada segi keupayaan, minat dan personaliti. Dengan demikian beberapa sifat yang baik bagi setiap individu itu akan berkeupayaan melakukan kerjaya-kerjaya tertentu.

Dalam kajian ini, penyelidik ingin mengkaji sejauhmana hubungan personaliti warna dengan minat kerjaya Holland. Dapatan kajian Zunaini Yah (2000) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti Jingga dengan kerjaya Realistik, personaliti Biru dan Hijau dengan minat kerjaya Sosial, personaliti Jingga dengan minat kerjaya *Enterprising* dan Personaliti Emas dengan minat kerjaya *Conventional*.

Berasaskan dapatan kajian Zunaini Yah (2000), penyelidik mengandaikan terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti warna Emas, Hijau, Biru dan Jingga dengan minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan *Conventional*. Penyelidik melihat seakan-akan personaliti Emas mempunyai hubungan yang kuat dengan minat kerjaya *Conventional*, personaliti Hijau mempunyai hubungan yang kuat dengan minat

kerjaya Investigatif, personaliti Biru dengan minat kerjaya Sosial dan Artistik manakala personaliti Jingga dengan minat kerjaya Realistik dan *Enterprising*.

Kekurangan maklumat dan kajian yang berkaitan hubungan personaliti warna dengan minat kerjaya Holland telah mendorong penyelidik untuk membuat kajian lanjutan daripada apa yang telah dijalankan oleh Zunaini Yah (2000). Sudah tentu di dalam penulisan kajian penyelidik ini, tidak banyak maklumat berkaitan dengan personaliti warna dapat ditonjolkan kerana maklumat berkaitannya amat berkurangan.

Sehubungan itu dengan kajian hubungan personaliti warna dan minat kerjaya Holland oleh penyelidik akan menambahkan lagi pengetahuan yang sedia ada dan menambahkan lagi keyakinan penyelidik terhadap hubungan pembolehubah-pembolehubah yang dikaji.

PENDEKATAN TEORI

Teori Personaliti Warna

Mengikut Falt (1999) sejarah penggunaan teori personaliti warna dimulakan oleh Don Lowry melalui kad-kad aktiviti *True Colors*. Don Lowry adalah seorang usahawan dan anak murid kepada David Kiersey. David Keirsey adalah ahli terapi psikologi yang telah memperkenalkan jenis personaliti iaitu *Apollonian, Dionysian, Promethean* dan *Epimethean* (Hauck 1998). Don Lowry telah menggunakan model personaliti yang diperkenalkan oleh Keirsey untuk

dijadikan asas bagi mencipta *True Colors*. *True Colors* yang dibuat oleh Lowry ini adalah merupakan sejenis kad-kad permainan yang berasaskan personaliti yang melibatkan empat jenis warna Emas, Hijau, Biru dan Jingga. Warna Emas melambangkan seseorang yang mengikut peraturan, warna Hijau melambangkan seseorang yang mementingkan intuisi pemikiran, warna Biru melambangkan seorang yang mementingkan intuisi perasaan dan warna Jingga melambangkan seorang yang gemarkan pengalaman (Falt 1999).

Berasaskan kad-kad personaliti warna *True Colors* oleh Don Lowry, seorang lagi anak murid David Keirseley iaitu Carolyn Kalil telah menulis sebuah buku yang bertajuk *Follow Your True Colors to the Work With Love* (Beastley 1999). Dalam buku ini, Kalil (1999) telah menyatakan bahawa "cara yang terbaik untuk meningkatkan konsep sendiri anda ialah dengan melakukan apa yang anda sukai". Beliau juga menyebut bahawa terdapat empat jenis personaliti yang diklasifikasikan sebagai *The True Colors System* iaitu personaliti Emas menunjukkan seorang yang berperancangan, personaliti Hijau menjadikan ilmu sebagai kuasa, personaliti Biru adalah seorang penyayang dan personaliti Jingga adalah seorang yang berorientasikan tindakan.

Mengikut Beastley (1999), Carolyn Kalil telah menjadikan konsep *True Colors* oleh Don Lowry untuk lebih mudah difahami dan diaplikasi dalam kehidupan melalui buku tersebut. Pendekatan yang diperkenalkan melalui buku *Follow Your True Colors to the Work You Love* ialah setiap personaliti adalah diwakili oleh keempat-empat kad berwarna yang dilengkapi dengan grafik dan penerangan tentang jenis personaliti.

Sidek Mohd Noah (1997) telah membina suatu alat ukur yang dinamakan Inventori Personaliti Warna dan item-item personaliti tersebut telah diperincikan mengikut sifat-sifat dominan setiap jenis personaliti dalam inventori itu. Mengikut beliau, personaliti warna melalui inventornya boleh dibahagi kepada empat iaitu personaliti Emas, Hijau, Biru dan Jingga.

Personaliti Emas

Mengikut Sidek Mohd Noah (1998) individu yang berpersonaliti Emas dikatakan bersikap keibubapaan, mengikut adat resam, bertanggungjawab, praktis, waras fikiran, boleh dipercayai, setia, tradisional atau konservatif, hidup bersistem dan berperaturan serta menaruh perhatian. Kata kunci utama personaliti Emas ialah peraturan dan saya bertanggungjawab.

Ciri-ciri diri secara khusus menurut personaliti Emas ialah perlu mengikut peraturan dan menghormati pihak yang berkuasa, sangat bertanggungjawab, taat, boleh diharap dan sentiasa bersedia, tahu apa yang baik dan buruk dalam kehidupan, seorang peneliti dan bersifat wajar, menghormati masa, mahu dianggap sebagai seorang yang berguna, menghargai hidup berkeluarga, tradisi dan rumahtangga, mengambil tahu tentang sesuatu, memberi perhatian, bersifat konkrit, bersifat keibubapaan, suka mengekal dan memelihara sesuatu adat resam dan seorang yang suka menolong (Sidek Mohd Noah 1998).

Personaliti Hijau

Menurut Sidek Mohd Noah (1998) individu berpersonaliti Hijau pula cenderung dan cekap dalam pelbagai lapangan cenderung merekacipta, cekap dalam menjalankan tugas dengan sempurna, bersifat ingin tahu, memahami konsep, berpengetahuan luas, berdasarkan teori, bijak dan mahir, panjang akal, kompleks, tenang dan sabar, berfalsafah, berprinsip dan berasaskan logik. Kata kunci utama personaliti Hijau ialah mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi .

Ciri-ciri personaliti Hijau ialah cenderung dan cekap dalam pelbagai lapangan, cenderung untuk merekacipta sesuatu yang baru, cekap dan berkebolehan menjalankan tugas secara sempurna, bersifat ingin mengetahui, berminat tentang konsep, gagasan, tanggapan dan idea, mempunyai pengetahuan yang luas berdasarkan teori, inventif, bijak, mahir dan panjang akal, mempunyai sikap yang tenang dan sabar, berprinsip dan jujur, mempunyai falsafah dan memerlukan penjelasan dan jawapan, mempunyai ciri-ciri analitikal, investigatif dan hipotetikal (Sidek Mohd Noah 1998).

Personaliti Biru

Mengikut Sidek Mohd Noah (1998) individu berpersonaliti Biru melambangkan individu yang bersifat tulin, perhubungan mesra, mengasihani, bersimpati, unik, berkebolehan mengalami perasaan dan fikiran orang lain, penyayang dan setia, mesra, berseni, orang yang memberi inspirasi, riang, gembira, penuh kasih